

Pelepasan cukai bukti kerajaan utama pendidikan

Pelbagai insentif ringan beban hidup rakyat

Ketika ini, kerajaan sedang rancang mengagihkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2.0) kepada empat juta isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan dan 2.7 juta individu bujang yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan. Ketua isi rumah menerima RM500 manakala individu bujang menerima RM250 seperti yang diperuntukkan dalam bajet tahun ini.

Tentunya bantuan itu sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban-kos sara hidup masa kini. Apa yang pasti mereka tidak tergolong sebagai pembayar cukai. Sebaliknya, pembayar cukai individu yang tidak mendapat bantuan langsung bantuan seperti BR1M itu tetap mendapat pelbagai insentif yang diberikan kerajaan khususnya berkaitan pendidikan.

Bajet 2013 menyediakan peruntukan sebanyak 21 peratus atau RM52.836 bilion daripada RM251.6 bilion khusus untuk pendidikan dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi. Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan memperkasakan sektor pendidikan negara. Kerajaan menyedari bahawa pelaburan dalam bidang itu adalah prasyarat kepada sebuah negara yang maju, makmur serta pementakan rakyat yang sejahtera pada 2020.

Banyak insentif dalam bentuk pelepasan diberi kepada pembayar cukai individu yang membabitkan pendidikan untuk diri sendiri dan anak sejak dulu lagi. Kali ini, insentif yang diberikan itu meliputi pelepasan untuk anak yang bersekolah dari yang belajar di institusi pengajian tinggi (IPT), perlindungan insurans pendidikan dan perubatan, pembelian buku serta bahan bacaan.

Turut diberikan ialah pelepasan untuk pembayar cukai yang melanjutkan pengajian peringkat pascaijazah, menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), pembelian komputer dan langganan jalur lebar. Kerajaan juga terus mengekalkan pelepasan cukai sebanyak RM1,000 untuk setiap anak yang bersekolah.

Pelepasan anak belajar di IPT RM6,000

Pada masa ini, kos pendidikan tinggi anak mahal. Sehubungan itu, bagi meringankan tanggungan kewangan ibu bapa, kerajaan memberi pelepasan cukai individu sebanyak RM6,000 setahun jika mempunyai anak yang belajar di IPT berbanding RM4,000 setahun sebelum ini.

Satu lagi insentif pelepasan cukai ialah pelan perlindungan dalam bentuk insurans pendidikan dan perubatan yang dikendalikan oleh syarikat insurans dan takaful. Ini membolehkan ibu bapa membuat pelaburan untuk masa depan pendidikan anak. Justeru, pembayar cukai yang membeli perlindungan itu diberi pelepasan sehingga RM3,000 setahun.

Pembelian buku, majalah, jurnal dan

penerbitan yang diberi pelepasan sebanyak RM1,000 menggambarkan bahawa kerajaan sangat mendorong masyarakat membaca khususnya buku akademik dan ilmiah bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing.

Pelepasan cukai sebanyak RM5,000 turut dinikmati pembayar cukai yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, doktor falsafah atau kursus profesional.

Langkah ini secara tidak langsung membantu mencapai matlamat kerajaan berkaitan pendidikan tinggi negara seperti termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).

Pemacu Inovasi negara

Dalam RMKe-10, kerajaan menetapkan matlamat untuk meningkatkan jumlah pemegang doktor falsafah (PhD) kepada 18,000 pada 2015 dan 60,000 pada 2023 sebagai pemacu kepada inovasi negara.

Kerajaan juga menggalakkan rakyat menabung untuk pendidikan tinggi yang dilihat kosnya semakin meningkat. Lantaran itu, kerajaan memberi pelepasan cukai kepada ibu bapa sebanyak RM6,000 setahun bagi yang menyimpan SSPN untuk anak yang akan melanjutkan pengajian di IPT.

Tahun sebelumnya, pelepasan cukai berjumlah RM3,000. Peningkatan 100 peratus dalam pelepasan cukai itu jelas menunjukkan bahawa kerajaan memberi sokongan kepada pembayar cukai yang mementingkan pendidikan tinggi anak mereka.

Jika pembayar cukai membeli komputer peribadi maka, akan dapat pelepasan sebanyak RM3,000 untuk setiap tiga tahun selain yuran langganan perkhidmatan jalur lebar sebanyak RM500.

Pelepasan itu juga sebahagian manfaat yang mempunyai kaitan dengan pendidikan kerana kemudahan itu adalah alat penting dalam meneroka ilmu pendidikan moden.

Secara matematik, jika pembayar cukai mempunyai seorang anak yang bersekolah dan seorang belajar di IPT serta pada masa sama belajar pada peringkat pascaijazah, beliau mendapat pelepasan cukai sehingga RM25,500 bagi 2012.

Kesimpulannya, pelepasan cukai individu yang banyak berkaitan dengan pendidikan jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada bidang itu kerana ia menjadi asas kepada kemajuan sesebuah negara. Pelepasan cukai itu amat bertepatan dengan tema Bajet 2013, "Mernakmurkan negara, mensejahtera rakyat: Satu janji ditepati."



Penulis

ialah Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia



DR MOHD YAHYA
MOHAMED ARIFFIN

rencana@bharian.com.my

PROF MA
ABDUL RA
SA